

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah kes pesakit kanser yang telah di kenalpasti di daerah Kuantan dari tahun 2000 sehingga sekarang. Berikan pecahan mengikut kaum dan jantina seria umur untuk setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Registri Kanser Pahang dalam proses penerbitan laporan kanser 2007-2011. Menurut Laporan Registri Kanser Pahang 1999-2003 yang terakhir diterbitkan, sebanyak 2,648 kes kanser dilaporkan dalam tempoh 1999 sehingga 2003. Daripada jumlah tersebut, 1,272 (48.0%) kes kanser adalah dari golongan lelaki manakala 1,376 (52.0%) kes kanser pula dari golongan wanita.

Kaum Melayu mencatatkan jumlah kes kanser tertinggi di Pahang iaitu sebanyak 1,595 (60.2%) dan diikuti oleh kaum Cina yang mencatatkan jumlah kes kanser sebanyak 876 (33.1%), kaum India sebanyak 119 (4.5%) ,kaum Orang Asli mencatatkan kes kanser sebanyak 56 (2.1%) dan sebanyak 2 (0.1%) kes kaum lain-lain.

Berdasarkan laporan ini, Daerah Kuantan mencatatkan jumlah kes kanser tertinggi berbanding daerah lain di Negeri Pahang, iaitu sebanyak 1,116 kes. Ianya terdiri daripada 529 (47.4%) kes kanser dari golongan lelaki dan 587 (52.6%) kes kanser dari golongan wanita di daerah tersebut.

(Ahmad Zulfadli M.N, 1999-2003)